

Sedia bekerjasama dengan UJPM

KUALA LUMPUR 18 Okt. - Kementerian Pelancongan bersedia bekerjasama dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) terutamanya dalam industri pelancongan, botani dan tumbuhan-tumbuhan.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Ng Yen Yen (**gambar**) berkata, pihak kementerian akan menawarkan latihan kepada mahasiswa berkaitan industri berkenaan.

"Kita mahu melatih pelajar menjadi pakar dalam bidang tersebut. Menerusi latihan inilah mereka akan didedahkan kepada beberapa modul yang bakal memberi banyak manfaat kepada golongan tersebut.

"Kita merancang untuk mengambil mahasiswa tahun pertama dan kedua. Contohnya, pelajar akan dilatih sehingga boleh menjadi pemandu pelancong profesional yang bakal memperoleh pendapatan mencecah RM8,000 sebulan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam majlis perasmian Pameran Berindeks Hasil Alam Semulajadi dan Keindahan Seni (NYAWA) 2012 di

Galeri Serdang dekat sini hari ini.

Turut hadir Timbalan Naib Canselor UPM, Datin Dr. Aini Ideris dan Timbalan Pengarah Bahagian Sumber Agribio Taman Sains Putra, Prof. Madya Dr. Faridah Qamaruz Zaman.

Yen Yen menyifatkan pameran yang dianjurkan oleh UPM itu akan memberi manfaat kepada sektor pelancongan negara.

"Selain itu, kementerian juga bercadang mewujudkan

taman botani bertaraf dunia setanding dengan negara lain. Saya mahu UPM mengumpul pelbagai spesies tumbuhan yang jarang ditemui atau tanaman herba untuk dipromosikan di mata dunia," ujarnya.

Dalam perkembangan sama, pameran NYAWA yang bertemakan 'buah' itu dibuka kepada orang bermula hari ini hingga 17 November.

Pameran tersebut telah berjaya menghasilkan 21 artifak dari sudut pandangan pakar-pakar UPM yang berlainan bidang dan dimuatkan di dalam sebuah katalog berindeks.

